

**Najib Pemimpin Pertama Ambil Tindakan Terhadap Masalah Pendatang Tanpa Izin Di Sabah**  
**Bernama**  
**15 Ogos, 2013**

KOTA KINABALU, 15 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak adalah pemimpin pertama yang mengambil langkah proaktif secara tegas dengan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) untuk menyiasat masalah pendatang tanpa izin di Sabah, kata Timbalan Ketua Menteri Tan Sri Joseph Pairin Kitingan, Khamis.

Beliau berkata Najib mengambil tindakan segera untuk melindungi keselamatan dan kedaulatan negara berikutan pencerobohan penggaans Sulu di Lahad Datu pada Februari lepas dengan menubuhkan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM).

"Kita dapat melihat bahawa seruan kita agar isu pendatang tanpa izin di negeri ini, didengari perdana menteri sekarang. Ini sepatutnya dibuat sejak lama dulu.

"Kita dapat melihat bahawa sejak tertubuhnya ESSCOM, banjir pendatang tanpa izin ke negeri ini dapat dihentikan," katanya ketika memberi keterangan kepada Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Mengenai Pendatang Asing Tanpa Izin di Sabah di kota Kinabalu, Khamis.

Pairin, yang juga presiden Parti Bersatu Sabah (PBS), mencadangkan agar satu peraturan khusus dilaksanakan terhadap pendatang yang mendapat pekerjaan di negeri ini memandangkan mereka juga membantu membangunkan ekonomi Sabah.

Bagaimanapun, beliau berkata satu garis jelas perlu diwujudkan menentukan siapa yang patut dan tidak patut tersenarai dalam daftar pemilih.

Beliau berharap mereka yang datang ke negeri ini untuk mendapatkan kerakyatan akan kembali ke negara asal masing-masing kerana mereka bukan sahaja membahayakan nyawa sendiri, tetapi juga nyawa keluarga mereka.

Pairin menyeru rakyat dan pihak berkuasa berkenaan supaya tidak teragak-agak untuk melindungi keselamatan dan kedaulatan negara.

Terahulu, ahli perniagaan Datu Akjan Ali Muhammad menafikan upacara yang diadakan di Kampung Likas dekat sini pada Februari 2011 adalah majlis perisytiharan beliau sebagai Sultan Sulu.

Katanya, majlis itu sebenarnya merupakan satu perhimpunan untuk mengucapkan terima kasih kepada apa yang dikenali sebagai kesultanan Sulu berhubung pelantikan beliau sebagai waris kesultanan itu.

Bekas tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) itu mendakwa beliau menerima tawaran pelantikan sebagai sultan mereka demi kepentingan negara kerana beliau tidak mahu rakyat Sulu di Filipina membuat sebarang tuntutan ke atas Sabah.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=970259>